



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA 2025 : “ARKIB BOLEH DIAKSES, ARKIB UNTUK SEMUA”

Kementerian Perpaduan Negara mengucapkan Selamat Menyambut Minggu Arkib Antarabangsa 2025 kepada seluruh warga arkib, para penyelidik, penjawat awam dan rakyat Malaysia yang menghargai warisan dokumentasi negara.

Arkib Negara Malaysia (ANM) merupakan ahli aktif berstatus Institutional Member (Kategori A) dalam International Council on Archives (ICA). Penyertaan ANM dalam organisasi antarabangsa ini telah menjadikan ANM sebagai sebuah institusi kearkiban yang mempunyai jaringan antarabangsa bagi berkongsi dan membincangkan hal ehwal kearkiban secara kolektif di peringkat global.

Sambutan ini bukan sahaja meraikan jasa dan komitmen warga arkib, tetapi juga mengajak seluruh rakyat mendekati khazanah sejarah negara yang menjadi teras kepada jati diri dan perpaduan nasional.

Tema sambutan tahun ini, **“Arkib Boleh Diakses, Arkib Untuk Semua”**, sangat bertepatan dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memastikan sejarah dan dokumen negara dapat diakses dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “Arkib ialah penjaga memori bangsa. Ia bukan hanya menyimpan sejarah negara, malah menyatukan naratif semua komuniti di Malaysia daripada perjuangan kemerdekaan, pembinaan negara, sehingga kepada usaha memperkuatkan integrasi nasional hari ini. Tanpa arkib, sejarah akan hilang, identiti akan kabur, dan perpaduan akan pudar. Justeru, kita mesti terus menyokong institusi arkib dan memperkasakan nilai sejarah sebagai milik semua”.

Sejajar dengan tema tahun ini, Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia mengalu-alukan kehadiran seluruh rakyat Malaysia untuk mengunjungi sepuluh (10) buah Memorial Negarawan yang dibuka kepada orang ramai secara percuma sepanjang tahun. Inisiatif ini bertujuan merakyatkan sejarah dan mendekatkan masyarakat, khususnya generasi muda, dengan warisan kepemimpinan negara.

Kementerian juga menyokong penuh usaha inisiatif Arkib Komuniti dan dokumentasi tempatan termasuk sejarah lisan masyarakat Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak, serta minoriti budaya yang membantu memperluas naratif sejarah kita agar lebih inklusif dan adil.

Sempena Minggu Arkib Antarabangsa ini, marilah kita bersama-sama memanfaatkan khazanah sejarah negara, menyemai rasa cinta tanah air, dan memperkuuh semangat perpaduan melalui penghayatan kepada perjuangan masa lalu.

Kementerian Perpaduan Negara
9 Jun 2025
KPN.100-9/1/16 (**40**)

